

Sudut Buku UNISSA wadah warga sekolah tingkatkan ilmu pengetahuan

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengambil perhatian yang berat terhadap penerbitan buku sebagai usaha untuk meneruskan legasi pengembangan ilmu dan memelihara khazanahnya agar ia dapat dimanfaatkan bukan sahaja untuk generasi masa kini, malah juga generasi akan datang.

Penubuhan Sudut Buku UNISSA atau 'UNISSA's

Book Corner' merupakan inisiatif UNISSA melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan UNSISA untuk mempromosi dan menjadikan buku-buku terbitan UNISSA sebagai bahan rujukan peringkat sekolah menengah dan tinggi, terutama buku dalam Bahasa Arab.

Perkara demikian dijelaskan oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa melancarkan Sudut Buku

UNISSA atau 'UNISSA's Book Corner' bagi Sekolah Peringkat Menengah dan Tinggi yang berlangsung di Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), di sini.

"Alhamdulillah, berkat taufik dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala jua, sejak penubuhan UNISSA, UNISSA ini telah menerbitkan 220 judul buku ilmiah yang ditulis dalam tiga bahasa, iaitu Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu merangkumi pelbagai bidang disiplin termasuk pengajian Islam, syariah, undang-undang, pembelajaran Bahasa Arab, pengurusan dan pentadbiran negara, ekonomi, kewangan Islam, tamadun Islam dan lain-lain. InsyaaAllah, pada tahun-tahun mendatang, lebih banyak buku ilmiah akan diterbitkan oleh UNISSA untuk dimanfaatkan oleh ummah sejagat," ujarnya.

Beliau seterusnya menjelaskan, menyedari akan tanggungjawab sosialnya terhadap pembangunan dan pembentukan masyarakat madani yang syumul, UNISSA menyumbang sebanyak 197 judul buku bagi setiap sekolah yang terlibat yang diterbitkan dari tahun 2009 hingga tahun 2019.

Jelasnya, selain buku ilmiah, koleksi yang disumbangkan



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa melihat salah sebuah buku yang disumbangkan.

itu juga adalah termasuk jurnal, ensiklopedia, kamus dan prosiding.

Beliau menambah, tujuan utama sumbangan tersebut ialah untuk membantu dan mendekatkan warga sekolah dengan bahan terbitan akademik yang diterbitkan oleh UNISSA setiap tahun, di samping menjadi platform untuk para ilmuan berkongsi hasil kajian dan penulisan mereka.

Katanya lagi, pelancaran 'Book Corner' diharap akan dapat menjadi wadah kepada warga sekolah, khususnya para pelajar untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, selain menjadi pendorong dalam memupuk sifat suka mengkaji dan membaca. Kerana hanya dengan ilmu

pengetahuan, manusia dapat mencipta kejayaan untuk manfaat diri sendiri seterusnya membentuk tamadun yang terbilang.

Pada majlis itu, Rektor UNISSA menyerahkan sumbangan buku-buku kepada Pengetua SUAMPRIPAHS, Dayang Hajah Azidah binti Haji Mohamad dan Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkia (SMALHB), Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

UNISSA's Book Corner juga akan dilaratkan ke lain-lain sekolah yang terpilih, antara lainnya ialah Ma'had Islam Brunei, Sekolah Arab Rimba dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkia.



PENUBUHAN Sudut Buku UNISSA merupakan inisiatif UNISSA melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan UNSISA untuk mempromosi dan menjadikan buku-buku terbitan UNISSA sebagai bahan rujukan peringkat sekolah menengah dan tinggi, terutama buku dalam Bahasa Arab.

Rumah Tembikar menjadi tarikan pelancongan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Julai. - Minat yang mendalam dalam menghias rumah dan hobi mengumpul barang antik memberikan kepuasan kepada pemilik Rumah Tembikar di Kampung Peramu, iaitu Awang Ahmad bin Haji Timbang.

Pesara yang berusia 69 tahun itu tidak menyangka rumah beliau akan menjadi tarikan orang ramai juga pelancong kerana beliau hanya berminat untuk membuat dekorasi pada rumahnya.

Minat beliau sudah terbit sejak tahun 1980-an lagi, seperti mengumpul barang-barang antik, hiasan *tambaga*, *kudut* (piring)

lama, seterika arang dan peralatan tradisional masyarakat Brunei, seperti sulang dan kapsiu.

Bersama dengan koleksi antik tersebut, rumahnya dihiasi dengan pelbagai hiasan bunga hidup berwarna-warni, bunga kertas juga plastik, di samping menggunakan bahan-bahan terpakai, seperti botol-botol minuman plastik yang diwarnakan untuk dijadikan pasu tanaman dan hiasan dinding.

Antara barangan antik bersejarah di rumah beliau, beberapa buah tajau yang sudah berusia lebih 100 tahun, dijadikan perhiasan dalam rumah. Tajau ialah sejenis tempayan tembikar

dan selalunya digunakan untuk menyimpan air oleh masyarakat dahulu.

"Mungkin disebabkan ini, rumah saya diberikan gelaran Rumah Tembikar oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya tidak ada masalah dengan gelaran itu, malahan ia merupakan satu penghargaan kepada saya," ujarnya.

Walaupun demikian, beliau tidak berniat untuk menonjolkan rumah berkenaan kepada masyarakat umum, namun begitu, beliau tidak menghalang orang ramai untuk mengunjungi dan mengambil gambar di pekarangan rumahnya.

"Jika dengan berkunjung ke rumah ini akan menggembirakan hati seseorang, ia sangat bermakna bagi saya, kerana menggembirakan hati itu sesungguhnya diberikan pahala oleh Allah Subhanahu Wata'ala," jelasnya.

Rumah beliau bukan hanya dikunjungi oleh pengunjung tempatan, malahan para pelancong dari benua Eropah dan Asia.

Pada masa akan datang, jika dikurniakan umur panjang, beliau berhasrat untuk mengubah suai dan mengemas kini lagi hiasan rumahnya.

Rumah tersebut boleh dikunjungi dengan menaiki bot tambang ke Kampung Peramu atau melalui jalan darat dari Kampung Sungai Kebun.



AWANG Ahmad menunjukkan sebuah peralatan dapur yang dahulu digunakan untuk menanak nasi.



HOBII Awang Ahmad bin Haji Timbang dalam menghias rumah kediamannya dan mengumpul barang antik memberikan kepuasan kepada dirinya.

Dikehendaki

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah meminta kerjasama juga bantuan orang ramai untuk mengesan seorang lelaki yang dikehendaki.

Lelaki tersebut, Muhammad Audillah bin Haji Idris, nombor kad pengenalan 01-049160 (K).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, hubungi Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah, PPDB menerusi talian +673 2459500 sambungan 796 / 797 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis berdekatan.



MUHAMMAD Audillah bin Haji Idris, nombor kad pengenalan 01-049160 (K).